



MALAY A1 – HIGHER LEVEL – PAPER 2
MALAIS A1 – NIVEAU SUPÉRIEUR – ÉPREUVE 2
MALAYO A1 – NIVEL SUPERIOR – PRUEBA 2

Friday 6 May 2005 (morning)
Vendredi 6 mai 2005 (matin)
Viernes 6 de mayo de 2005 (mañana)

2 hours / 2 heures / 2 horas

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

- Do not open this examination paper until instructed to do so.
- Answer one essay question only. You must base your answer on at least two of the Part 3 works you have studied. You may include in your answer a discussion of a Part 2 work of the same genre if relevant. Answers which are not based on a discussion of at least two Part 3 works will not score high marks.

INSTRUCTIONS DESTINÉES AUX CANDIDATS

- N'ouvrez pas cette épreuve avant d'y être autorisé(e).
- Traitez un seul sujet de composition. Vous devez baser votre réponse sur au moins deux des œuvres de la 3^e partie que vous avez étudiées. Le cas échéant, vous pouvez inclure dans votre réponse une discussion sur une œuvre du même genre littéraire étudiée dans la 2^e partie du programme. Les réponses qui ne sont pas basées sur au moins deux des œuvres de la 3^e partie n'obtiendront pas une note élevée.

INSTRUCCIONES PARA LOS ALUMNOS

- No abra esta prueba hasta que se lo autoricen.
- Elija un tema de redacción. Su respuesta deberá basarse en al menos dos de las obras estudiadas en la Parte 3. Se podrán hacer comentarios sobre una obra de la Parte 2 del mismo género, si fuera necesario. Las respuestas que no incluyan una discusión sobre al menos dos obras de la Parte 3 no recibirán notas altas.

Jawab **satu** soalan esei sahaja. Jawapan anda hendaklah berdasarkan sekurang-kurangnya dua daripada karya-karya yang anda kaji dalam bahagian 3. Anda boleh memasukkan ke dalam jawapan anda perbincangan dari satu karya dalam bahagian 2 dari genre yang sama sekiranya ada perkaitan. Jawapan-jawapan yang **tidak** berdasarkan perbincangan dari sekurang-kurangnya dua karya dalam Bahagian 3, **tidak akan** mendapat markah yang tinggi.

Cerpen

1. Sama ada

- (a) Peranan dan kedudukan wanita dalam masyarakat sering ditonjolkan dengan pelbagai cara dalam cerpen-cerpen Melayu. Bincangkan kenyataan ini berdasarkan cerpen-cerpen yang anda kaji.

Atau

- (b) Penulis-penulis cerpen juga menggunakan teknik yang berbeza untuk memberi gambaran tentang corak hidup dan pemikiran orang kampung. Bincangkan beberapa teknik yang berbeza yang digunakan untuk memberi gambaran ini berdasarkan cerpen-cerpen yang anda kaji.

Drama

2. Sama ada

- (a) Olahan cerita drama Melayu sering berunsur cerminan kepada isu-isu moral dan sosial. Bincangkan kenyataan ini berdasarkan drama-drama yang anda kaji.

Atau

- (b) Berdasarkan dua atau tiga drama yang anda kaji, bincangkan dua watak yang mana gambaran perwatakannya meninggalkan kesan kepada anda. Huraikan teknik perwatakan yang meninggalkan kesan-kesan tersebut.

Novel

3. *Sama ada*

- (a) Watak-watak lelaki dalam novel-novel Melayu sering kali mempunyai sifat-sifat yang bertentangan antara positif dan negatif, misalnya kuat ibadat tetapi pada masa yang sama tidak jujur. Berdasarkan novel-novel yang anda kaji sebutkan dua atau tiga watak lelaki yang mempunyai ciri-ciri sedemikian dan bincangkan cara-cara penulis membentuk perwatakan sedemikian.

Atau

- (b) Pengorbanan adalah sesuatu yang digambarkan sebagai mulia. Akan tetapi selalunya golongan yang rendah dan miskin sahaja yang berkorban. Dari novel-novel yang anda kaji, sejauh mana dan bagaimanakah pengarang-pengarang menunjukkan sikapnya terhadap kenyataan di atas? Bandingkan.

Prosa Tradisional

4. *Sama ada*

- (a) Prosa tradisional juga memaparkan kelas-kelas sosial yang terdapat dalam masyarakat tradisional. Bincangkan pemaparan ini dengan merujuk kepada watak-watak yang anda temui dalam karya-karya yang anda kaji.

Atau

- (b) Gaya bahasa prosa tradisional adalah sangat unggul. Bincangkan keunggulan itu berdasarkan kepada beberapa aspek tertentu yang anda temui.

Puisi

5. *Sama ada*

- (a) Tema dan persoalan yang terdapat dalam sebahagian puisi Melayu sering dicetuskan oleh 'cinta.' Bincangkan bagaimana 'cinta' boleh memainkan peranan yang begitu penting dalam puisi Melayu.

Atau

- (b) Puisi Melayu sering kali memainkan peranan sebagai balada sosial bagi bangsa dan negaranya. Dengan berdasarkan kepada dua atau lebih puisi yang anda kaji, bincangkan kenyataan di atas dengan merujuk kepada isi dan bahasa puisi-puisi tersebut.

Am

6. Sama ada

- (a) Pemilihan kata dan nada dalam sesebuah karya boleh mempengaruhi perasaan dan minat pembaca. Bincangkan kesan yang anda rasai dari dua atau lebih karya yang mana pemilihan kata dan nadanya sangat istimewa.

Atau

- (b) Pemaparan yang terperinci tentang sesuatu kejadian, latar atau watak, oleh penulis yang berbeza boleh meninggalkan kesan yang berbeza, misalnya merangsangkan atau sebaliknya menjemukan. Bandingkan bagaimana gaya penulisan ini boleh memberikan kesan yang berbeza kepada anda berdasar karya-karya yang telah anda kaji.

Atau

- (c) Terdapat karya-karya Sastera Melayu yang menggunakan tokoh-tokoh sejarah atau lagenda sastera sebagai watak. Pemaparan watak ini pula berbagai-bagai tergantung kepada kehendak ataupun tujuan penulisnya. Berdasarkan karya-karya yang anda kaji, beri pendapat anda tentang gaya pemaparan itu dan apakah kesannya kepada pembaca.

Atau

- (d) Karya sastera seperti novel, cerpen, puisi atau drama dapat menjadi perakam sejarah perjuangan dan perkembangan sesuatu bangsa atau negara. Rakaman ini boleh dirujuk kepada tema, atau perwatakan, atau latar cerita. Bincangkan bagaimana 'rakaman' ini dilakukan oleh pengarang berdasarkan karya-karya yang telah anda kaji.
-